



**KEMPEN PULANGAN TUNAI KAD DEBIT-i MASTERCARD  
BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD**

**TERMA & SYARAT**

**Tempoh Kempen**

1. Kempen ini akan bermula dari 15 November 2021 sehingga 13 Februari 2022, termasuk kedua-dua Tarikh tersebut (“Tempoh Kempen”).

**Kelayakan**

2. Pemegang Kad Debit-i Mastercard Bank Muamalat Malaysia Berhad yang layak (“Pemegang Kad”) bermaksud pelanggan Bank Muamalat Malaysia Berhad (“BMMB”) yang memegang Kad Debit-i Mastercard Bank Muamalat (“Kad”) sepanjang Tempoh Kempen seperti yang diuraikan di sini, tetapi tidak termasuk pelanggan yang akaun mereka telah digantung, dibatalkan atau ditamatkan atas apa jua sebab sepanjang Tempoh Kempen.

**Kriteria Penyertaan**

3. Pemegang Kad yang melakukan transaksi runcit (bersemuka, termasuk tanpa sentuh) dan dalam talian, di dalam dan luar negara menggunakan Kad dengan perbelanjaan minimum Ringgit Malaysia Tiga Puluh Sahaja (RM30.00) dalam satu transaksi adalah layak untuk Pulangan Tunai sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Sahaja (RM25.00).
4. Setiap Pemegang Kad layak menerima Pulangan Tunai maksimum sebanyak Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Lima Sahaja (RM75.00) sahaja berasaskan siapa datang dahulu, seperti diterangkan dalam jadual di bawah:

<b>Bulan Pengesanan</b>	<b>Tempoh</b>	<b>Pulangan Tunai Maksimum Setiap Pemegang Kad</b>
Bulan 1	15 November 2021 – 14 Disember 2021	RM25.00
Bulan 2	15 Disember 2021 – 14 Januari 2022	RM25.00
Bulan 3	15 Januari 2022 – 13 Februari 2022	RM25.00

5. BMMB memperuntukkan Pulangan Tunai maksimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Dua Ribu Sahaja (RM52,000.00) untuk Kempen ini.
6. Individu-individu berikut adalah **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Kempen ini: -
  - a. Mana-mana Pemegang Kad yang telah membatalkan Kad mereka semasa Tempoh Kempen;
  - b. Pemegang Kad di mana akaun mereka dengan BMMB telah digantung, ditutup atau mereka yang melanggar Perjanjian dengan BMMB;

- c. Sekiranya mana-mana akaun Kad adalah dibatalkan, ditutup atau ditamatkan untuk apa jua alasan, sama ada secara sukarela atau tidak pada atau sebelum Pulangan Tunai diberikan;
  - d. Mana-mana individu yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang salah laku, penipuan atau kesalahan berhubung akaun, kemudahan dan/atau perkhidmatan yang berikan oleh BMMB.
7. Pulangan Tunai akan dikreditkan dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu dari tarikh tamat Kempen.
8. Transaksi runcit yang dipecah-pecahkan dan/atau berulang daripada peruncit yang sama adalah tidak dibenarkan dan akan hilang kelayakan.
9. Sebarang transaksi yang kemudiannya dibatalkan, dipertikaikan, dibayar balik, transaksi yang tidak dibenarkan atau penipuan/ selepas itu diketahui, akan dikecualikan.
10. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, perbelanjaan runcit yang dikecualikan adalah seperti berikut: -
  - a. Pengeluaran Tunai ATM, pelan auto-debit, pemindahan dana, pemindahan e-Dompet, deposit, pembalikan, fi dan caj dan lain-lain transaksi bukan runcit;
  - b. Sebarang pertikaian, pembatalan, bayaran balik, transaksi yang tidak dibenarkan atau transaksi pembelian palsu;
  - c. Keuntungan/caj pengurusan, caj pengeluaran tunai, sebarang cukai yang dikenakan mengikut undang-undang dan mana-mana bentuk fi perkhidmatan atau fi pelbagai; dan
  - d. Transaksi yang dibuat oleh Pemegang Kad dengan mana-mana peruncit yang berkaitan atau dikawal oleh mereka (sama ada sebagai pekerja, majikan, pemegang saham atau pengarah), iaitu, transaksi oleh Pemegang Kad dengan mana-mana korporat atau entiti perniagaan di mana mereka adalah pekerja atau majikan atau bekerja dengan atau mempunyai saham, atau kepentingan atau adalah pengarah kepada.
11. Transaksi yang dibuat sepanjang Tempoh Kempen adalah berasaskan waktu Malaysia sepertimana yang tercatat di dalam rekod transaksi BMMB dan diposkan ke Kad Pemegang Kad sepanjang Tempoh Kempen. BMMB tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan dan/atau kelewatan di dalam peyerahan bukti transaksi jualan yang disebabkan oleh sebab-sebab di luar kawalan BMMB seperti kegagalan, kelewatan, tindakan atau ketinggalan di pihak skim pembayaran Kad.
12. BMMB berhak untuk membatalkan penyertaan mana-mana Pemegang Kad untuk tujuan Kempen ini sekiranya Pemegang Kad: -
  - a. Telah memberikan maklumat yang tidak benar atau melakukan penipuan di dalam apa jua cara sepanjang Tempoh Kempen;
  - b. Akaun Kad telah ditutup/ditamatkan semasa Tempoh Kempen; atau
  - c. Telah melanggar mana-mana Terma dan Syarat yang dihuraikan di sini.

13. Sebarang penentuan oleh BMMB di dalam menentukan transaksi yang layak adalah muktamad, mengikat dan konklusif dan semua transaksi seperti yang direkodkan oleh BMMB adalah juga muktamad, mengikat dan konklusif.

#### **Terma & Syarat Am**

14. Dengan menyertai kempen ini, Pemegang Kad yang Layak/pemenang-pemenang bersetuju dan membenarkan data peribadi mereka untuk dikumpul, diproses dan digunakan oleh BMMB mengikut Notis Privasi, yang boleh dirujuk di [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my)
15. BMMB berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan pemberian notis terlebih dahulu. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen oleh BMMB, tidak akan memberi hak kepada Pemegang Kad untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap BMMB untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad akibat secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan pembatalan, penamatan atau penggantungan.
16. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad dianggap telah membaca dan memahami dan telah bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
17. BMMB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan atau kegagalan dalam pemprosesan/penyerahan transaksi jualan oleh skim pembayaran Kad atau pertubuhan peniaga atau mana-mana pihak lain yang mungkin boleh mengakibatkan Pemegang Kad dikeluarkan daripada Kempen ini.
18. BMMB tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kecederaan atau kehilangan nyawa dan barangan berharga atau apa-apa kehilangan atau kerosakan lain walau apa pun atau walau bagaimana sekalipun dialami oleh Pemegang Kad yang timbul atau diakibatkan secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, daripada penyertaan mereka melalui Kempen daripada Pulangan Tunai yang diterima oleh mereka melalui Kempen atau daripada akibat sebarang tindakan peninggalan di pihak BMMB. BMMB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan untuk melaksanakan apa-apa kewajipan berkenaan dengan Kempen ini disebabkan oleh sebarang tindakan Tuhan, peperangan, rusuhan, mogok, penguncian, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BMMB.
19. BMMB berhak dari semasa ke semasa sebagaimana yang difikirkan perlu untuk mengubah, menambah, mengeluarkan, meminda, mengubah suai dan/atau menukar Terma dan Syarat ini dengan memberi notis awal, minimum sebanyak dua puluh satu (21) hari dan notis tersebut akan disiarkan di laman sesawang BMMB di [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my). Pemegang Kad yang menyertai Kempen ini adalah dianggap telah mengakses laman sesawang BMMB dan mempunyai pengetahuan dan telah bersetuju untuk sebarang perubahan atau variasi kepada Terma dan Syarat ini. Pemegang

Kad juga bersetuju bahawa penyertaan berterusan mereka di dalam Kempen ini akan membentuk penerimaan Terma dan Syarat ini (sebagai pelbagai atau diubah).

20. Pemegang Kad juga dialukan untuk mendapatkan penjelasan daripada BMMB sekiranya mana-mana Terma dan Syarat tidak difahami sepenuhnya.
21. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan atau percanggahan antara Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris dan terjemahan Terma dan Syarat ini di dalam mana-mana bahasa, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai. Sekiranya terdapat ketidakselarasan antara Terma dan Syarat ini dan mana-mana risalah, bahan-bahan pemasaran dan promosi yang berkaitan dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan digunapakai.
22. Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan BMMB di +603-2600 5500. Sebagai alternatif, untuk maklum balas dan/atau penyerahan aduan, Pemegang Kad boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada BMMB di [feedback@muamalat.com.my](mailto:feedback@muamalat.com.my)
23. Keputusan BMMB berkenaan semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah dianggap muktamad, konklusif dan mengikat dan tidak diwajibkan untuk memberi sebarang sebab atau melakukan sebarang tindakan surat-menyurat dengan mana-mana pihak mengenai apa-apa perkara berkenaan Kempen ini.
24. Semua pihak adalah dijangka memahami dan mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (termasuk sebarang pindaan seterusnya). Pihak Bank berhak melaporkan sebarang aktiviti atau tindakan yang tertakluk kepada sifat jenayah kepada polis atau pihak berkuasa lain yang berkaitan dan termasuk untuk menamatkan transaksi berkenaan.
25. Terma dan Syarat yang termasuk hak budi bicara dan/atau kuasa yang diberikan kepada mana-mana pihak di bawah dokumen ini adalah tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah.

**PENGHUJUNG TERMA & SYARAT KEMPEN PULANGAN TUNAI KAD DEBIT-i  
MASTERCARD BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD**